

## IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 18 HUKUM PENDERMAAN JASAD SI MATI UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443 bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Pendermaan Jasad Si Mati Untuk Tujuan Penyelidikan. Mesyuarat menegaskan bahawa hukum asal pendermaan jasad atau mayat manusia adalah **haram** kerana Islam amat menitikberatkan penghormatan ke atas jasad manusia sama ada sewaktu mereka masih hidup ataupun selepas mati.

Mesyuarat juga berpandangan bahawa dalam konteks Malaysia, pendermaan jasad atau mayat orang Islam dan keperluan penggunaan jasad si mati untuk tujuan penyelidikan masih belum berada pada tahap mendesak. Keperluan terhadap penggunaan mayat untuk tujuan penyelidikan masih boleh dipenuhi dengan kaedah-kaedah alternatif yang ada. Selagi mana kaedah alternative boleh dikemukakan sebagai jalan keluar, maka ia menjadi pilihan yang mesti diambil tanpa perlu mengharuskan pendermaan jasad atau mayat orang Islam.

Sehubungan itu, selaras dengan penegasan syarak tersebut, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa pendermaan jasad atau mayat orang Islam untuk tujuan penyelidikan adalah haram dan tidak dibenarkan berdasarkan hujah berikut :

(i) Prinsip kemuliaan mayat dan kewajipan menghormatinya perlu diikuti sebagaimana kaedah:

### الأصل في العرض التحريم

Maksudnya: *Asal kepada perkara yang melibatkan maruah dan kehormatan adalah diharamkan*  
Kaedah ini bersandarkan kepada sebuah hadis Nabi SAW:

فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا فِي شَهْرِكُمْ هَذَا فِي بَلَدِكُمْ هَذَا

Maksudnya: *Darah darah kamu, harta harta kamu dan kehormatan kamu di antara sesama kamu haram seperti mana haramnya hari kamu ini, bulan kamu ini, di negeri kamu ini*

(Hadis riwayat al Bukhari dan Muslim)

Kehormatan mayat merupakan suatu tuntutan dan pendermaannya adalah menceroboh prinsip penghormatan tersebut. Keperluan penggunaan jasad atau mayat orang Islam untuk tujuan penyelidikan belum berada pada tahap mendesak atau *dharurah* kerana keperluan tersebut masih boleh dipenuhi dengan kaedah kaedah alternatif yang ada.

Mana mana orang Islam di Negeri Perak yang mengingkari Fatwa ini adalah disifatkan melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang undang yang berkuat kuasa di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tarikh: 24 Jun 2022

No. fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zamri', is written over a horizontal line. The signature is stylized and cursive.

(Dato' Haji Zamri bin Hashim)  
Timbalan Mufti Negeji Perak